



MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP** yang telah berdaftar dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB/PUKONSA/UPKJ) dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO. TENDER	TAJUK	GREDE, KATEGORI DAN PENGKUSUSAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARIKH TUTUP TENDER
MDCH: 01/2019	CADANGAN MENYIAPKAN BAKI KERJA BAGI PEMBINAAN PUSAT PERNIAGAAN DI MUKIM TANAH RATA, CAMERON HIGHLANDS, PAHANG DARUL MAKMUR (TENDER SEMULA)	i) Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya (KKR) ii) Berdaftar dengan CIDB Gred: G6 & KEATAS Kategori : B,CE Pengkhususan : B04, CE21	Pejabat Majlis Daerah Cameron Highlands, Peti Surat 66, 39007 Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur 17hb Julai 2019 (Rabu)	RM 750.00	Pejabat Majlis Daerah Cameron Highlands, Peti Surat 66, 39007 Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur 7 Ogos 2019 (Rabu) Waktu: 12.00 tengahari
<p>Lawatan Tapak dan Taklimat adalah WAJIB Pada Tarikh : 17hb Julai 2019 (Rabu), Masa: 11.00 pagi. Tempat: Pejabat Majlis Daerah Cameron Highlands</p> <p>* Sila bawa cop syarikat semasa menghadiri lawatan tapak</p>					

2. Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ
3. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang ASAL dan masih **sah tempohnya** untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen:-
- Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB
 - Sijil Kontraktor Penyiap oleh Kementerian Kerja Raya
- Satu salinan fotostat Sijil-sijil Asal bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MDCH semasa hendak membeli dokumen. MDCH berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MDCH tidak layak.
4. **Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender** boleh diperolehi di pejabat berikut pada waktu pejabat (9.00 pagi - 12.30 tengah hari & 2.30 petang - 5.00 petang) di alamat seperti berikut:
- Majlis Daerah Cameron Highlands, Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur**
5. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang** di atas nama **Yang Dipertua Majlis Daerah Cameron Highlands** (bayaran tidak akan dikembalikan).
6. Dokumen Tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Tender dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti alamat di atas.
- Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak.